

16 SEP 1997

PERATURAN MINIMUM BAIK UNTUK MSC, KATA PENYELIDIK IT

KUALA LUMPUR, 16 Sept (Bernama) -- Hanya peraturan yang minimum diperlukan untuk Koridor Raya Multimedia (MSC) bagi membolehkan penyertaan yang lebih terbuka dan perkembangan bebas dalam maklumat teknologi (IT), demikian menurut penyelidik IT pada sesi dialog di sini hari ini.

Ketua dari Asia Network Research Sdn Bhd, Izumi Aizu, berkata terlalu banyak peraturan akan membantutkan pertumbuhan syarikat teknologi yang beroperasi dalam MSC.

"Malahan kelonggaran peraturan mungkin diperlukan tidak lama lagi menjadikan undang-undang sesuai bagi sebarang teknologi baru sedang muncul dalam MSC," katanya pada sesi dialog mengenai "Dari Wawasan Menjadi Kenyataan -- Kemaskini Mengenai Kemajuan MSC" di Persidangan dan Pameran kedua Multimedia Asia '97.

Beliau berkata teknologi kini pesat berkembang sehinggakan agak mustahil bagi sebarang orang perseorangan atau syarikat meramalkan apa akan terjadi dalam tempoh lima tahun akan datang.

Berlatar belakangkan keadaan ini dan dengan persaingan perniagaan yang lebih sengit pada masa depan, syarikat teknologi dalam MSC terpaksa beroperasi dalam suasana yang lebih mesra alam agar dapat mencapai hasil yang baik dan cekap, tambahnya.

"Bagi saya, dasar dan peraturan dalam MSC hanya untuk memberi layanan sama rata kepada syarikat-syarikat yang beroperasi," katanya.

Bagaimanapun, katanya, beliau yakin bahawa undang-undang siber MSC yang sedang disediakan akan menjadi yang terbaik dan paling sesuai untuk pembangunan IT yang diharapkan dalam MSC.

"Lebih-lebih lagi, undang-undang siber MSC adalah setanding dengan undang-undang siber di pusat-pusat IT seberang laut," tambahnya.

Izumi juga berkata terlalu banyak perancangan dalam MSC akan mungkin menyebabkan suasana di mana syarikat-syarikat tidak akan beroperasi dan bersaing sesama sendiri secara sihat.

"Berilah sedikit ruang kepada syarikat untuk berbincang dan memutuskan apa yang terbaik untuk mereka," katanya sambil menambah bahawa ini akan membantu bagi memastikan pengaliran pelaburan yang lebih sihat di dalam mahupun di luar MSC.

Persidangan dan pameran multimedia yang berlangsung selama empat hari dirasmikan oleh perdana menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ia mempamerkan sebahagian daripada penyelesaian terbaik dunia multimedia untuk tanda aras serta aplikasi dan menarik 118 peserta tempatan dan antarabangsa. -- BERNAMA

RIZ MA/sia